



BENCI. Golongan wanita daripada pelbagai lapisan umur, keturunan dan pekerjaan melafazkan ikrar kebencian terhadap dadah pada majlis Masyarakat Wanita Anti Dadah di Ipoh semalam.



UNIK. Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman (tengah) terpegun melihat pokok bonsai yang tidak berdaun pada Pameran Orkid dan Bonsai Antarabangsa Johor Bahru 2009 semalam.



BANTAH. Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin bersama ahli Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi/Limosin dan Kereta Sewa selepas menerima memorandum bantahan mengenai demonstrasi Gerakan Mansuh ISA (GMI) di Kuala Lumpur semalam.

Hospital sesak gara-gara H1N1



Wabak selesema babi

Oleh ZULKIFLI MANZOR
dan NURUL IZZA ROSLY
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Peningkatan kes kematian akibat selesema babi atau influenza A (H1N1) di negara ini telah menyebabkan rata-rata hospital kerajaan sekitar Lembah Klang sesak sejak akhir bulan lalu gara-gara diserbu orang ramai yang ingin mendapatkan pemeriksaan mengenai wabak itu.

Keadaan tersebut dipercayai berpunca daripada perasaan bimbang orang ramai terhadap wabak itu lebih-lebih lagi jika terdapat simptom-simptom H1N1 pada diri mereka.

Wartawan *Kosmo!* yang ingin mendapatkan pemeriksaan H1N1 di Hospital Kajang kelmarin mendapati, orang ramai penuh sesak di hospital berkenaan yang rata-ratanya ingin mendapatkan pemeriksaan H1N1.

Ramai di antara mereka yang terpaksa berdiri atau menunggu di luar ekoran kerusi yang disediakan tidak mencukupi selain terpaksa menunggu berjam-jam sebelum dapat berjumpa doktor.

Doktor dan jururawat yang bertugas ketika itu turut mengakui bilangan orang ramai yang ingin mendapatkan pemeriksaan H1N1 bertambah berlipat kali ganda sejak kes kematian pertama di negara ini akibat wabak itu dilapor pada 21 Julai lalu.



ORANG RAMAI terpaksa menunggu berjam-jam untuk mendapatkan rawatan di Hospital Kajang semalam.

Seorang pemandu lori, Mohd. Nazim Awang, 34, berkata, dia terpaksa menunggu lebih empat jam sebelum anak lelakinya berusia sembilan tahun dapat berjumpa doktor akibat demam.

Sementara itu, wabak H1N1 yang semakin menular meragut satu lagi nyawa semalam melibatkan seorang lelaki berusia 57 tahun dengan menjadikan angka korban akibat pandemik itu meningkat kepada 14 orang di negara ini sehingga semalam.

Mangsa terbaru itu yang menghidap penyakit diabetes dan darah tinggi dilaporkan meninggal dunia itu dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Putrajaya pada 4 Ogos lalu kerana mengalami demam, batuk dan sesak nafas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr.

Mohd. Ismail Merican berkata, kes lelaki itu telah disahkan jangkitan H1N1 pada 5 Ogos dan mangsa mati akibat Acute Pulmonary Oedema Secondary To H1N1.

"Jumlah terkumpul kes selesema babi kini mencatatkan sebanyak 1,492 kes dan daripada jumlah itu, 574 adalah kes import, 917 kes jangkitan tempatan manakala 1,421 kes telah sembuh," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Mohd. Ismail, bilangan kes H1N1 yang masih berada di ICU adalah 11 orang manakala 43 kes sedang menerima rawatan antiviral di wad isolasi.

Sebanyak 16 kes baru telah dilaporkan dengan sembilan daripadanya dirawat di wad manakala selebihnya menerima rawatan pesakit luar.

Info KES KEMATIAN H1N1 DI MALAYSIA

21 JULAI - Seorang pelajar tahun pertama Pusat Pendidikan Antarabangsa Kewangan Islam merupakan korban pertama.

26 JULAI - Seorang lelaki tempatan berumur 46 tahun yang bekerja di Belgium.

27 JULAI - Seorang Lelaki berusia 42 tahun mati disebabkan pneumonia yang serius setelah dijangkiti H1N1.

28 JULAI - Seorang remaja perempuan dari Melaka berusia 20 tahun mengalami demam dan tanda-tanda H1N1.

31 JULAI - Seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun dari Bagan Serai, Perak mati akibat H1N1.

2 OGOS - Seorang budak lelaki berumur 11 tahun meninggal di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

● Seorang wanita berusia 51 tahun meninggal dunia di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban.

3 OGOS - Seorang ibu muda berusia 23 tahun yang baru melahirkan anak di Hospital Miri.

● Seorang budak perempuan berumur tiga tahun maut di Hospital Melaka.

● Seorang budak lelaki berumur 12 tahun dengan kegagalan buah pinggang kronik mati di Hospital Melaka.

● Seorang lelaki berumur 20 tahun yang mengalami asma kronik mati selepas dimasukkan ke Hospital Melaka.

5 OGOS - Seorang budak lelaki berumur enam tahun mati di Hospital Batu Pahat.

● Seorang budak lelaki berumur enam tahun meninggal di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan.

● Seorang pesara lelaki berusia 57 tahun mati di Hospital Putrajaya kerana demam, batuk dan sesak nafas.